

Golongan kelas pertengahan semakin ramai

BH 15 JUL 2001

PUTRAJAYA: Kerajaan mahu mewujudkan kelas pertengahan lebih besar iaitu golongan daripada isi rumah berpendapatan RM1,500 hingga RM3,500 sebulan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata golongan itu sudah meningkat daripada 32.2 peratus pada 1995 kepada 37 peratus pada 1999.

Katanya, golongan berpendapatan rendah iaitu isi rumah yang memperoleh pendapatan kurang RM1,500 sebulan, sudah berkurangan kepada 43.8 peratus pada 1999 berbanding 54.4 peratus pada 1995.

"Malah, kini kerajaan menumpukan kepada usaha untuk menangani masalah golongan termiskin. Golongan ini adalah 1.4 peratus daripada jumlah penduduk pada 1999," katanya pada majlis dialog prabelanjawan yang bertemakan 'Menggalakkan pertumbuhan melalui pengukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing' di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, bukan saja pendapatan rakyat Malaysia kini semakin meningkat malah kualiti hidup mereka juga bertambah baik dengan Indeks Kualiti Hidup Malaysia meningkat daripada 86.22 pada 1980 kepada 112.03 pada tahun 2000.

Katanya, peningkatan ini berpunca daripada kemajuan yang dicapai dalam pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja,

pengangkutan dan komunikasi, pendidikan, perumahan dan budaya.

Dr Mahathir berkata, ia dicapai melalui penyediaan secara berterusan kemudahan sosial dan infrastruktur bagi penduduk bandar dan luar bandar.

Beliau berkata, kadar kemiskinan juga lebih baik dengan penurunan ketara kepada 7.5 peratus di seluruh negara pada 1999 berbanding 49.3 peratus di Semenanjung saja ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada 1970.

Kerajaan juga, katanya, menyediakan peruntukan yang besar untuk meningkatkan pendapatan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Daripada peruntukan yang disediakan, 45.9 peratus untuk sektor ekonomi terutama untuk program infrastruktur, pertanian dan industri sementara 25.6 peratus lagi disediakan untuk program pendidikan dan perumahan.

Selain itu katanya, kerajaan juga prihatin terhadap kualiti hidup golongan yang kurang bernasib baik dan menghargai sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Beliau berkata, teknologi sekarang boleh mencipta alat termasuk komputer lebih mesra guna dan dengan itu ia membuka lebih banyak peluang kepada golongan yang kurang bernasib baik mengambil bahagian cergas dalam pembangunan negara.